

Headline	BAGI POKOK REHAT		
MediaTitle	Metro Ahad		
Date	26 Mar 2017	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	179,231
Page No	47	Readership	537,693
Language	Malay	ArticleSize	340 cm <sup>2</sup>
Journalist	ARDYHANSAH AMAT	AdValue	RM 13,394
Frequency	Daily	PR Value	RM 40,182



Ardyhansah Amat  
ardyhansah@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

**T**itian kanopi di Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) bakal ditutup bermula 30 Jun depan selepas 25 tahun dibuka kepada orang ramai.

Ketua Pengarah FRIM Datuk Dr Abd Latif Mohmod berkata, keputusan itu dibuat bagi 'merehatkan' pokok yang menampung titian kanopi sepanjang 150 meter itu.

"Kejadian hujan dan ribut yang berlaku pada penghujung 2015 menjejaskan beberapa kemudahan di FRIM termasuk pokok yang menampung titian kanopi.

"Malah sejak kejadian itu, kami terpaksa menutup akses masuk ke titian berkenaan beberapa kali bagi tujuan penyelenggaraan dan penilaian keselamatan semula," katanya kepada media selepas merasmikan Hari Hutan Antarabangsa (IDF) 2017 peringkat FRIM, di sini, semalam.

Kata beliau, hasil peni-

## BAGI POKOK REHAT

■ FRIM tutup titian kanopi selepas 25 tahun dibuka



TITIAN Kanopi FRIM yang akan ditutup mulai 30 Jun depan atas faktor keselamatan.

lailan mendapati pokok sokongan yang menempatkan titian kanopi tidak sihat dan

kukuh bagi menampung berat struktur binaan serta beban pengunjung.

"Pihak kami menyedari titian kanopi ini menjadi antara tarikan ekopelancongan

yang utama di sini sejak 25 tahun lalu.

"Justeru, kami akan mem-

bangunkan titian kanopi yang baru dan dijangka siap antara tiga hingga lima tahun lagi," katanya.

Menurut Dr Abd Latif, pihaknya kini berusaha mendapatkan peruntukan sebanyak RM3.5 juta bagi membina satu sistem titian kedua yang diperbuat daripada kerangka aluminium.

"Dengan jarak antara 300 hingga 500 meter, titian kedua ini dijangka lebih selamat dan kurang memberi impak negatif terhadap pokok serta alam sekitar.

"Malah, lokasi bagi titian kanopi kedua itu juga dikenal pasti yang mana mempunyai kelebihan dan keunikan tersendiri berbanding laluan titian pertama," katanya.

Menurutnya, titian kanopi yang pertama pula akan disimpan bagi tujuan pemuliharaan selain hanya dibuka kepada penyelidik atau kajian berkaitan.

"Jika pokok sokongan pada titian kanopi itu sihat semula, mungkin ia dibuka semula kepada orang ramai sekali gus membolehkan kita mempunyai dua laluan titian kanopi di FRIM pada masa akan datang," katanya.